



16 Oktober 2024
16 October 2024
P.U. (A) 300

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

**PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN
(INSURANS LIABILITI PRODUK DAN INSURANS SEMULA
MENGIKUT PERJANJIAN KOMPREHENSIF DAN
PROGRESIF BAGI PERKONGSIAN TRANS-PASIFIK)
(PENGEQUALIAN) 2024**

***FINANCIAL SERVICES (PRODUCT LIABILITY INSURANCE
AND REINSURANCE IN ACCORDANCE WITH
THE COMPREHENSIVE AND PROGRESSIVE AGREEMENT
FOR TRANS-PACIFIC PARTNERSHIP) (EXEMPTION)
ORDER 2024***

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013

PERINTAH PERKHIDMATAN KEWANGAN (INSURANS LIABILITI PRODUK DAN
INSURANS SEMULA MENGIKUT PERJANJIAN KOMPREHENSIF DAN PROGRESIF
BAGI PERKONGSIAN TRANS-PASIFIK) (PENGECCUALIAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 263 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 [*Akta 758*], Menteri, atas syor Bank, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perkhidmatan Kewangan (Insurans Liabiliti Produk dan Insurans Semula Mengikut Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik) (Pengeccualian) 2024**.

(2) Perintah ini hendaklah disifatkan telah berkuat kuasa mulai 29 November 2022.

Ketidakkpakaian

2. Perintah ini tidak terpakai bagi penanggung insurans Labuan atau penanggung insurans semula Labuan yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan dan Sekuriti Labuan 2010 [*Akta 704*] untuk menjalankan perniagaan insurans Labuan atau perniagaan insurans semula Labuan.

Takrif

3. Dalam perintah ini—

“penanggung insurans” ertinya mana-mana orang yang dilesenkan, didaftarkan, diluluskan, dibenarkan atau dikawal selia untuk menjalankan perniagaan insurans am yang berhubungan dengan liabiliti produk di bawah undang-undang suatu Negara Pejanji kepada Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik yang ditandatangani pada 8 Mac 2018 di Santiago, Chile;

“penanggung insurans semula” ertinya mana-mana orang yang dilesenkan, didaftarkan, diluluskan, dibenarkan atau dikawal selia untuk menjalankan perniagaan insurans semula atau retrosisen di bawah undang-undang suatu Negara Pejanji kepada Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik yang ditandatangani pada 8 Mac 2018 di Santiago, Chile.

Pengecualian

4. Menteri mengecualikan—

- (a) penanggung insurans daripada pemakaian perenggan 8(1)(a) Akta yang menghendaki penanggung insurans itu untuk mendapatkan suatu lesen untuk menjalankan perniagaan insurans am;
- (b) penanggung insurans semula daripada pemakaian perenggan 8(1)(a) Akta yang menghendaki penanggung insurans semula itu untuk mendapatkan suatu lesen untuk menjalankan perniagaan insurans semula; atau
- (c) mana-mana orang yang membuat atau menyebabkan untuk dibuat suatu kontrak insurans am yang berkenaan dengan liabiliti produk dengan seorang penanggung insurans daripada pemakaian subseksyen 127(1) Akta yang menghendaki orang itu untuk mendapatkan kelulusan bertulis Bank terlebih dahulu untuk tujuan tersebut.

Syarat pengecualian

5. Penanggung insurans atau penanggung insurans semula itu tidak boleh mempunyai kehadiran komersial di Malaysia.

Dibuat 11 Oktober 2024
[BNM/JUN/1119/55/95; PN(PU2)718/JLD.7]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Menteri Kewangan II

FINANCIAL SERVICES ACT 2013

FINANCIAL SERVICES (PRODUCT LIABILITY INSURANCE AND REINSURANCE
IN ACCORDANCE WITH THE COMPREHENSIVE AND PROGRESSIVE AGREEMENT
FOR TRANS-PACIFIC PARTNERSHIP) (EXEMPTION) ORDER 2024

IN exercise of the powers conferred by section 263 of the Financial Services Act 2013 [Act 758], the Minister, on the recommendation of the Bank, makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Financial Services (Product Liability Insurance and Reinsurance in Accordance with the Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership) Order (Exemption) 2024**.

(2) This Order is deemed to have come into operation on 29 November 2022.

Non-application

2. This Order shall not apply to Labuan insurers and Labuan reinsurers licensed under the Labuan Financial Services and Securities Act 2010 [Act 704] to carry on Labuan insurance or Labuan reinsurance business.

Interpretation

3. In this Order—

“insurer” means any person licensed, registered, approved, permitted or regulated to carry on general insurance business relating to product liability under the law of a Contracting State to the Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership signed on 8 March 2018 in Santiago, Chile;

“reinsurer” means any person licensed, registered, approved, permitted or regulated to carry on reinsurance business or retrocession under the law of a Contracting State to the Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership signed on 8 March 2018 in Santiago, Chile.

Exemption

4. The Minister exempts—

- (a) an insurer from the application of paragraph 8(1)(a) of the Act which requires such insurer to obtain a licence to carry on general insurance business;
- (b) a reinsurer from the application of paragraph 8(1)(a) of the Act which requires such reinsurer to obtain a licence to carry on reinsurance business; or
- (c) any person who enters into or causes to be entered into any contract of general insurance in respect of product liability insurance from the application of subsection 127(1) of the Act which requires such person to obtain the Bank's prior written approval for such purpose.

Conditions for exemption

5. The insurer or reinsurer shall have no commercial presence in Malaysia.

Made 11 October 2024
[BNM/JUN/1119/55/95; PN(PU2)718/JLD.7]

DATUK SERI AMIR HAMZAH AZIZAN
Finance Minister II